



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM SEMINAR PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA DI MALAYSIA SEMPERNA SAMBUTAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Bersempena dengan sambutan Hari Pekerja Tahun 2024, pelbagai aktiviti menarik diadakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bertepatan dengan tema pada tahun ini, iaitu Pekerja KESUMA Bangsa. Salah satunya adalah Program Seminar Pergerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia. Anjuran seminar ini adalah dengan kerjasama pelbagai pihak melibatkan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dan Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM). Program ini diadakan pada 1 dan 2 Mei 2024 (Rabu dan Khamis) di NIOSH, Bangi, Selangor.

Objektif utama pelaksanaan Program Seminar Pergerakan Kesatuan Pekerja di Malaysia ini bertujuan mengupas hala tuju dan agenda pemerikasaan pekerja seiring kerangka Malaysia Madani bersesuaian dengan tema 'Pekerja KESUMA Bangsa'. Objektif seminar ini adalah sejajar bersama agenda pemerikasaan pekerja seiring dengan kerangka Malaysia Madani dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Dalam seminar ini juga telah berlangsung penyerahan Resolusi 100 Tahun Kesatuan Sekerja Di Malaysia: Dulu dan Masa Depan.

Seminar ini menghasilkan tiga resolusi. Antaranya adalah (i) solidariti dan tindakan kolektif kesatuan sekerja yang lebih baik, (ii) para pekerja dan kesatuan sekerja bekerja dengan lebih giat, dan (iii) para pekerja dan kesatuan memperbanyakkan bacaan, meningkatkan ilmu dan berfikiran lebih kritis. Ketiga-tiga resolusi ini secara tidak langsung mencerminkan keutamaan bersama bagi kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini dalam memperjuangkan kepentingan dan hak-hak pekerja.

Selaras dengan misi strategik 3K (Kebajikan, Kemahiran, Keberhasilan pekerja), KESUMA mampu memperkukuh kerjasama dengan kesatuan sekerja serta komited dalam usaha memberi penekanan terhadap hak gaji pekerja dan meluaskan liputan skim keselamatan sosial. KESUMA dengan kerjasama JHEKS telah mengadakan empat (4) siri Program Pocket Talks bersempena sambutan Hari Pekerja Tahun 2024 yang melibatkan penyertaan daripada pekerja, majikan dan kesatuan sekerja.

Data JHEKS pada tahun 2023 menunjukkan terdapat 756 buah kesatuan sekerja berdaftar dengan 1,008,371 orang keanggotaan di seluruh Malaysia. Data ini memperlihatkan peningkatan jumlah keanggotaan kesatuan sekerja sebanyak 5 peratus (53,379) berbanding tahun 2022. Peningkatan ini menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan memandangkan sasaran 1 juta keanggotaan kesatuan perlu dicapai pada tahun 2025 sepertimana sasaran awal Pelan Strategik KESUMA dan JHEKS.

Sehubungan itu, KESUMA akan sentiasa memberikan sokongan dan menghormati sumbangan para pekerja, majikan dan kesatuan sekerja di Malaysia. Kesatuan sekerja merupakan pemangkin kepada perubahan positif di tempat kerja dan masyarakat.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

2 MEI 2024